



GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGECHUALIAN CUKAI BAGI AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN YANG LAYAK

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPI)

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	PENDAHULUAN	2
2	TAFSIRAN	2
3	KRITERIA KELAYAKAN UNTUK MENUNTUT INSENTIF PENGECUALIAN CUKAI BAGI AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN YANG LAYAK	3
4	INSENTIF PENGECUALIAN CUKAI BAGI AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN YANG LAYAK	3
5	PROSEDUR PERMOHONAN INSENTIF PENGECUALIAN CUKAI SEKSYEN 34 (B) / SEKSYEN 34 (7) BAGI AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DI UPSI 5.1 SYARAT PERMOHONAN 5.2 PROSES PERMOHONAN	7
6	PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PENYELIDIKAN	8
7	TANGGUNGJAWAB DAN AKAUNTABILITI KETUA PENYELIDIK	8
8	PENAFIAN	8

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGECUALIAN CUKAI BAGI AKTIVITI
PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN YANG LAYAK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

1. PENDAHULUAN

1.1. Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan:-

- i. insentif dan kriteria pengecualian cukai bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang layak
- ii. prosedur permohonan insentif pengecualian cukai bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan UPSI.

1.2. Kementerian Kewangan Malaysia telah mengiktiraf Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) sebagai “Institut Penyelidikan Yang Diluluskan” di bawah seksyen 34(B) Akta Cukai Pendapatan 1967 berkuatkuasa 1 Julai 2020.

1.3. Insentif atau pengecualian cukai ini bertujuan memberi galakan kepada industri dalam menjalankan kerjasama strategik dengan pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) disamping memberi galakan kepada aktiviti penjanaan bagi tujuan penyelidikan melalui insentif pengecualian ini.

2. TAFSIRAN

2.1. **Institut penyelidikan yang diluluskan**" ertinya suatu institut, termasuk syarikat yang dilesenkan di bawah seksyen 45 Akta Syarikat 2016, yang diluluskan oleh Menteri untuk terutamanya menjalankan penyelidikan dalam industri yang dinyatakan dalam kelulusan dan untuk mengkomersilkan manfaat penyelidikan itu.

2.2. **Penyelidikan dan pembangunan (R&D)** bermaksud apa-apa kajian sistematik, penyiasatan dan eksperimen yang melibatkan perkara baharu atau risiko teknikal yang dijalankan dalam bidang sains atau teknologi dengan tujuannya untuk memperolehi pengetahuan baharu atau menggunakan hasil kajian tersebut untuk pengeluaran atau penambahbaikan pada bahan, peranti, produk, hasil, atau proses, tetapi **tidak termasuk** :-

- a) kawalan kualiti atau ujian rutin pada bahan, peranti atau produk;
- b) penyelidikan dalam sains sosial atau kemanusiaan;
- c) pemungutan data rutin;
- d) kaji selidik kecekapan atau kajian pengurusan;
- e) penyelidikan pasaran atau promosi jualan;

- f) pengubahsuaian atau perubahan rutin kepada bahan-bahan, peranti, produk, proses atau kaedah pengeluaran; atau
- g) pengubahsuaian kosmetik atau perubahan gaya kepada bahan-bahan, peranti, produk, proses atau kaedah pengeluaran.

2.3. **R&D dalaman (in-house R&D)** bermaksud aktiviti R&D yang dijalankan di Malaysia oleh seseorang di dalam perniagaannya dengan tujuan untuk menggunakan hasil R&D tersebut bagi memajukan perniagaannya.

2.4. **Orang** termasuklah syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhadap dan suatu perbadanan tunggal.

3. KRITERIA KELAYAKAN UNTUK MENUNTUT INSENTIF PENGECCUALIAN CUKAI BAGI AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN YANG LAYAK

3.1. Seseorang layak untuk menuntut insentif dalam bentuk potongan satu atau dua kali bagi perbelanjaan dibenarkan yang dilakukan untuk R&D, jika semua syarat berikut dipatuhi iaitu orang itu mesti:-

- a. seorang pemastautin bagi tujuan pencukaian di Malaysia;
- b. menjalankan perniagaan di Malaysia;
- c. menjalankan aktiviti R&D berhubung dengan perniagaannya di Malaysia sama ada :-
 - i. secara dalaman (in-house) dalam perniagaannya; atau
 - ii. penyumberan luar (outsourcing) aktiviti kepada institut atau syarikat penyelidikan yang diluluskan, atau syarikat R&D atau syarikat R&D kontrak di Malaysia;
- d. menjalankan aktiviti R&D yang memenuhi definisi R&D dan kriteria kelayakannya untuk layak sebagai aktiviti R&D yang layak (**kriteria kelayakan aktiviti R&D adalah seperti yang dinyatakan di Ketetapan Umum LHDN Bil.5/2020**) ; dan
- e. mendapatkan kelulusan untuk aktiviti R&D daripada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia (KPHDN) yang Menteri Kewangan telah mewakilkan kuasa ini kepada KPHDN, jika potongan dua kali yang dituntut adalah di bawah seksyen 34A, ACP; atau
- f. menggunakan khidmat institut atau syarikat yang diluluskan oleh Menteri yang berkaitan, jika potongan dua kali yang dituntut adalah di bawah seksyen 34B, ACP.

4. INSENTIF PENGECCUALIAN CUKAI BAGI AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN YANG LAYAK

4.1. Terdapat tiga (3) tuntutan insentif bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang layak iaitu :-

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGECEUALIAN CUKAI BAGI AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN YANG LAYAK

- 4.1.1. Peruntukan khas di bawah subseksyen 34(7) ACP (potongan satu kali) untuk perbelanjaan R&D, bersifat bukan modal; atau
- 4.1.2. Potongan khas di bawah seksyen 34A ACP (potongan dua kali) untuk perbelanjaan R&D dalaman (in-house R&D), bersifat bukan modal; dan
- 4.1.3. Potongan khas di bawah seksyen 34B ACP (potongan dua kali) untuk :-
- i. sumbangan secara tunai kepada institut penyelidikan yang diluluskan
 - ii. bayaran untuk penggunaan perkhidmatan institut penyelidikan yang diluluskan atau syarikat penyelidikan yang diluluskan; atau
 - iii. bayaran untuk penggunaan perkhidmatan syarikat R&D atau syarikat R&D kontrak.
- 4.2. Penerangan terperinci mengenai insentif yang layak dituntut oleh syarikat atau pemberi dana adalah seperti berikut :-

Perkara	Potongan Dua Kali Di Bawah Seksyen 34A, ACP	Potongan Dua Kali Di Bawah Seksyen 34B, ACP	Potongan Satu Kali Di Bawah Subseksyen 34(7) ACP
1. Kelayakan	Syarikat yang menjalankan aktiviti R&D secara dalaman.	Syarikat yang menjalankan aktiviti R&D menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan.	Syarikat yang menjalankan aktiviti R&D menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan.
2. Potongan yang dibenarkan	Potongan yang dibenarkan adalah dua kali amaun perbelanjaan yang dilakukan ke atas aktiviti R&D yang diluluskan (bukan perbelanjaan modal) daripada pendapatan kasar perniagaan.	Potongan yang dibenarkan ditolak daripada pendapatan kasar perniagaan adalah dua kali amaun perbelanjaan (bukan perbelanjaan modal) yang dilakukan terhadap aktiviti R&D yang diluluskan. Amaun perbelanjaan adalah :-	Potongan satu kali untuk perbelanjaan hasil yang layak yang dilakukan atas aktiviti R&D yang layak sekiranya syarikat tidak berhasrat untuk menuntut potongan di bawah seksyen 34A ACP atau seksyen 34B ACP.

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGECEUALIAN CUKAI BAGI AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN YANG LAYAK

		<ul style="list-style-type: none"> i. Sumbangan tunai kepada institut penyelidikan yang diluluskan oleh Menteri; ii. Bayaran atas penggunaan perkhidmatan institut penyelidikan yang diluluskan atau syarikat penyelidikan yang diluluskan oleh Menteri; iii. Bayaran atas penggunaan perkhidmatan syarikat penyelidikan dan pembangunan atau syarikat penyelidikan dan pembangunan kontrak. 	
3. Kuasa Kelulusan	Kuasa kelulusan aktiviti R&D yang layak adalah di bawah Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN).		
4. Tindakan tuntutan	Tuntutan hanya boleh dibuat selepas aktiviti R&D telah diluluskan.	Tuntutan hendaklah dibuat selepas memenuhi kriteria kelayakan seksyen 34B ACP dengan syarat bahawa aktiviti:- <ul style="list-style-type: none"> i. memenuhi definisi R&D dan kriteria kelayakannya; dan ii. perbelanjaan hasil yang berkaitan dengan aktiviti R&D adalah perbelanjaan yang layak. 	Tuntutan hendaklah dibuat selepas memenuhi kriteria di bawah seksyen 34(7) ACP dengan syarat bahawa aktiviti :- <ul style="list-style-type: none"> i. memenuhi definisi R&D dan kriteria kelayakannya; dan ii. perbelanjaan hasil yang berkaitan dengan aktiviti R&D adalah

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGECEUALIAN CUKAI BAGI AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN YANG LAYAK

			perbelanjaan yang layak.
5. Perbelanjaan yang layak	<ul style="list-style-type: none"> i. Bahan mentah - Bahan mentah yang digunakan secara langsung dalam satu aktiviti R&D tidak termasuk pembelian aset tetap. ii. Tenaga manusia - Hanya perbelanjaan ke atas gaji asas seorang pekerja yang terlibat secara langsung dalam aktiviti R&D (kakitangan penyelidikan) layak untuk mendapat potongan dua kali atau potongan satu kali. Perbelanjaan seperti KWSP, SOCSO, bonus, perubatan dan manfaat berupa barangan tidak layak untuk mendapat potongan dua kali atau potongan satu kali. iii. Perkhidmatan teknikal - Bayaran perkhidmatan teknikal termasuk:- <ul style="list-style-type: none"> a. Fi perundingan yang dibayar kepada sesebuah organisasi R&D atau seorang individu bagi mendapatkan maklumat / nasihat berkaitan dengan aktiviti R&D yang dijalankan. b. Bayaran kepada organisasi tertentu kerana menggunakan peralatan ujian seperti yang terdapat di SIRIM, FRIM dan universiti. c. Bayaran kepada sesebuah organisasi tertentu atau seorang individu bagi perkhidmatan analisis dan penilaian pemrosesan data. iv. Kos perjalanan - Kos perjalanan yang dilakukan oleh kakitangan R&D v. Kos pengangkutan/Kos penyelenggaraan/Sewa kenderaan, bangunan, peralatan dan jentera/Perbelanjaan-perbelanjaan lain (seperti air, elektrik, telefon, faks, kurier, alat tulis,) 		
6. Carta alir	<ul style="list-style-type: none"> 1. Carta aliran untuk menentukan kelayakan untuk menuntut insentif bagi aktiviti R&D dan aktiviti berkelayakan – Lampiran 1 (KU 5/2020) 2. Carta Alir Prosedur Tuntutan Potongan Khas Dua Kali Di Bawah Seksyen 34B ACP, Atau Potongan Satu Kali Di Bawah Subseksyen 34(7) ACP Untuk Aktiviti R&D Yang Layak – Lampiran 2 		

5. PROSEDUR PERMOHONAN INSENTIF PENGECCUALIAN CUKAI SEKSYEN 34 (B) / SEKSYEN 34 (7) BAGI AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DI UPSI

5.1. SYARAT PERMOHONAN

- 5.1.1. Aktiviti penyelidikan perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan seperti Para 3 dan Para 4 di atas.
- 5.1.2. Jumlah penajaan geran penyelidikan digalakkan adalah sekurang-kurangnya (*Ringgit Malaysia Lima Ribu*) RM5,000.00 dan ke atas.
- 5.1.3. Tempoh minimum projek adalah sekurang-kurangnya (6) enam bulan. Sebarang kelulusan tambahan masa adalah tertakluk kepada kelulusan pemberi dana.
- 5.1.4. Semua urusan kewangan adalah tertakluk kepada peraturan kewangan Universiti yang berkuatkuasa.
- 5.1.5. Penyelidik perlu mengambilkira kos overhead kepada Universiti sebanyak 5% dalam menetapkan nilai tajaan geran penyelidikan.

5.2. PROSES PERMOHONAN

- 5.2.1. Aktiviti penyelidikan yang memenuhi kelayakan untuk menuntut insentif seperti para 5.1 hendaklah mengemukakan dokumen berikut ke RMIC:
 - Kertas Cadangan / *Proposal* Penyelidikan
 - Borang Permohonan Insentif Pengeccualian Cukai (Lampiran 4)
 - Surat Setuju Tawaran Tajaan – dikeluarkan oleh industri
- 5.2.2. Jawatankuasa Penilai Pengeccualian Cukai (JPPC) membuat penilaian permohonan.
- 5.2.3. Kelulusan Pengeccualian Cukai dikeluarkan oleh RMIC kepada penyelidik.
- 5.2.4. Penyelidik dan pemberi dana menyediakan dokumen persetujuan (*letter of Award / Letter of Agreement / MOU / MOA*).
- 5.2.5. Jabatan Bendahari membuat semakan penerimaan pembayaran dan mengeluarkan resit rasmi.
- 5.2.6. Rujuk Lampiran 3:- Carta Alir Carta Alir Prosedur Permohonan Tuntutan Potongan Khas Dua Kali Di Bawah Seksyen 34B ACP, Atau Potongan Satu Kali Di Bawah Subseksyen 34(7) ACP Untuk Aktiviti R&D Yang Layak

6. PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PENYELIDIKAN

- 6.1.1. Pengurusan projek perlu mengikut terma-terma yang ditetapkan didalam surat perjanjian atau seperti yang telah dipersetujui oleh pemberi dana pada Kertas Cadangan Penyelidikan.
- 6.1.2. Penyelidik perlu mengemukakan laporan kemajuan mengikut syarat yang ditetapkan oleh pemberi geran dan laporan kemajuan kepada pihak RMIC hendaklah dikemukakan pada setiap 6 bulan.
- 6.1.3. Laporan akhir disediakan mengikut perjanjian dan syarat yang ditetapkan oleh pemberi geran dan dikemukakan kepada RMIC dalam tempoh 3 bulan dari tarikh tamat penyelidikan.

7. TANGGUNGJAWAB DAN AKAUNTABILITI KETUA PENYELIDIK

- 7.1.1. Menjadi tanggungjawab penyelidik untuk menyelesaikan projek dan mengemukakan laporan akhir penyelidikan mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Universiti atau pihak pemberi dana.
- 7.1.2. Memastikan pendedahan atau hebahan penemuan penyelidikan tertakluk kepada terma-terma perjanjian dan kebenaran Universiti/pemberi geran.

8. PENAFIAN


- 8.1.1. Pihak universiti tidak akan bertanggungjawab di atas segala kerugian ketidaklulusan permohonan pengecualian cukai seksyen 34 (B) oleh pihak industri.

Sumber Rujukan :-

1. Ketetapan Umum LHDN No. 5/2020 bertajuk Layanan Cukai Terhadap Perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian I – Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan yang Layak (Tarikh dikeluarkan: 13 Ogos 2020)
2. Ketetapan Umum LHDN No. 6/2020 bertajuk Layanan Cukai Terhadap Perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian II – Potongan Khas. (Tarikh dikeluarkan : 13 Ogos 2020)
3. Garis Panduan Prosedur Permohonan Potongan Khas bagi Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan yang Layak (Tarikh dikeluarkan : 13 Ogos 2020)

LAMPIRAN 1

Carta aliran untuk menentukan kelayakan untuk menuntut insentif bagi aktiviti R&D dan aktiviti berkelayakan – Lampiran 1 (KU 5/2020)



KRITERIA KELAYAKAN DALAM DEFINISI R&D

LAMPIRAN 1

^{1,2,3}Nota

¹Kriteria Pertama

Adakah objektif aktiviti R&D untuk:

- (i) memperoleh pengetahuan baharu;
- (ii) mencipta produk atau proses baharu; atau
- (iii) penambahbaikan pada produk atau proses yang sedia ada.

²Kriteria Kedua

Adakah **sesuatu yang baharu** wujud dalam pengetahuan baharu yang diperoleh, atau produk dan proses sedia ada yang baharu dan ditambahbaikkan? Adakah baharu yang pertama seumpamanya di Malaysia?

ATAU


Adakah terdapat penglibatan **risiko teknikal** dalam mencapai hasil yang diinginkan disebabkan oleh ketidakpastian saintifik atau teknologi yang tidak dapat diselesaikan oleh seorang profesional yang kompeten dalam bidang yang berkaitan?

³Kriteria Ketiga

Adakah aktiviti R&D yang dijalankan menggunakan pendekatan yang sistematik, penyasatan dan eksperimen untuk menyelesaikan ketidakpastian saintifik atau teknologi yang tidak mudah diperolehi?


LAMPIRAN 2

**CARTA ALIR PROSEDUR TUNTUTAN POTONGAN KHAS DUA KALI
DI BAWAH SEKSYEN 34A ACP ATAU 34B ACP,
ATAU POTONGAN SATU KALI DI BAWAH SUBSEKSYEN 34(7) ACP UNTUK AKTIVITI
R&D YANG LAYAK**



LAMPIRAN 3

Carta Alir Prosedur Permohonan Tuntutan Potongan Khas Dua Kali Di Bawah Seksyen 34B ACP, Atau Potongan Satu Kali Di Bawah Subseksyen 34(7) ACP Untuk Aktiviti R&D Yang Layak

KPI	PENGGUNA	AKTIVITI	DOKUMEN / RUJUKAN
<p style="text-align: center;">↑</p> <p style="text-align: center;">↓</p> <p style="text-align: center;">14 Hari</p>	<p style="text-align: center;">RMIC</p> <p style="text-align: center;">JPPC / RMIC</p> <p style="text-align: center;">RMIC</p> <p style="text-align: center;">Ketua Penyelidik / Pemberi Dana</p> <p style="text-align: center;">Jabatan Bendahari</p>	 <pre> graph TD MULA([MULA]) --> Terima[Terima Permohonan] Terima --> Penilaian{Penilaian Permohonan} Penilaian -- Tidak Lulus --> Terima Penilaian -- Lulus --> Kelulusan[Kelulusan pengecualian cukai dikeluarkan] Kelulusan --> Dokumen[Penyediaan Dokumen Perjanjian] Dokumen --> Pengesahan[Pengesahan Terimaan dana Pengeluaran Resit] Pengesahan --> TAMAT([TAMAT]) </pre>	<p style="text-align: center;">Borang Permohonan Pengecualian Cukai Bagi Aktiviti Penyelidikan Yang Layak.</p> <p style="text-align: center;">Surat Kelulusan Pengecualian Cukai</p> <p style="text-align: center;">Letter of Agreement / Letter of Award / MOU / MOA</p> <p style="text-align: center;">Resit Rasmi Pengecualian Cukai</p>